

SULIT

1103/1

1103/1
BAHASA MELAYU
KERTAS 1
OGOS 2019
2 JAM 15 MINIT

NO KAD PENGENALAN

						-			-			
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)**

**MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2019**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1
MASA : DUA JAM LIMA BELAS MINIT**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak


Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada kepentingan mengukuhkan semangat patriotik.

Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan mengukuhkan semangat patriotik**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KEPENTINGAN MENGUKUHKAN SEMANGAT PATRIOTIK**Menjamin perpaduan kaum****Mengelakkan perbuatan negatif****Memajukan negara**

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Penjagaan kebersihan amat penting dalam usaha melahirkan generasi yang cinta akan kebersihan.

Huraikan cara-cara anda menjaga kebersihan.

2. Penggunaan telefon pintar dalam kalangan remaja menyebabkan mereka mengabaikan tugas seharian di samping menjejaskan prestasi mereka dalam pelajaran.

Jelaskan peranan ibu bapa untuk mengawal penggunaan telefon pintar dalam kalangan anak mereka.

3. Pengambilan makanan tambahan memberikan pelbagai kesan kepada masyarakat.

Bincangkan.

4. Kestabilan ekonomi dan peluang pekerjaan yang luas merupakan antara faktor Malaysia menjadi pilihan pekerja asing khususnya dari negara-negara jiran.

Huraikan faktor-faktor Malaysia menjadi pilihan pekerja asing untuk mencari rezeki.

5. Penulis karya sastera sebenarnya memainkan peranan dalam usaha melahirkan masyarakat yang minat membaca dengan menghasilkan karya yang mempunyai ciri-ciri tertentu.

Nyatakan ciri-ciri karya sastera yang boleh menarik generasi muda menjadi masyarakat yang minat membaca.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT